

16 JAN 2002
MAHATHIR-PELABUHAN/I
M'SIA MAHU NEGARA MENJADI PUSAT PERKAPALAN SERANTAU

SERDANG, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia merancang untuk meluaskan pelabuhan-pelabuhannya untuk menjadikan negara ini sebuah pusat perkapalan serantau.

"Kita mahu meluaskan semua pelabuhan, bukan sahaja PTP (Pelabuhan Tanjung Pelepas). Kita sama strategik seperti Singapura," beliau memberitahu pemberita selepas menghadiri perhimpunan pelajar-pelajar dan kakitangan Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Dr Mahathir mengulas mengenai laporan bahawa gergasi kontena Taiwan, Evergreen Marine Corp, secara rasmi telah memutuskan untuk memindahkan pusat punggahan kapalnya dari Singapura ke PTP.

Evergreen dan PTP dilaporkan telah menanda tangani satu memorandum persefahaman untuk membuat perpindahan itu menjelang Ogos tahun ini selepas Perjanjian Terminal Berterusannya dengan PSA Corporation tamat.

Langkah Evergreen, mengikut jejak langkah pengangkut kontena global Maersk Sealand yang memindahkan operasi puast pelabuhannya ke PTP pada 2000, dijangka memberi tamparan hebat kepada pengendali pelabuhan terkemuka Singapura, PSA Corporation.

PSA kehilangan 10 peratus jumlah kontena tahun lalu disebabkan penarikan diri Maersk dan kelembapan global. Maersk, dengan TEU tahunan 1.8 juta, adalah pelanggan terbesar PSA.

Dr Mahathir berkata pada zaman dahulu, Singapura adalah strategik kerana lokasinya di hujung selatan Semenanjung Malaysia.

Bagaimanapun dalam persekitaran perkapalan yang berubah pesat sekarang, pertimbangan seumpama itu tidak boleh dipakai lagi, katanya.

"Jadi tiada sebab Malaysia tidak boleh menjadi pusat bagi laluan perkapalan di rantau ini," kata beliau.

"Saya berharap bahawa Singapura akan menerima itu (perubahan) adalah hasil daripada persaingan yang adil," katanya. -- BERNAMA

LES SEL OS